



LAPORAN *Dwi* TAHUNAN CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK 20192020





LAPORAN *Dwight* TAHUNAN
CAWANGAN
KEJURUTERAAN
GEOTEKNIK 20192020

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH	1 - 2	PROFIL BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KHIDMAT SOKONGAN (BPKS)	39 - 52
PROFIL CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK (CKG) - Biodata Pengarah - Struktur Organisasi - Latar Belakang - Objektif - Visi - Misi - Fungsi CKG	3 - 6	- Fungsi & Peranan - Aktiviti BPKS - Laporan Belanja Mengurus	
PROFIL BAHAGIAN REKABENTUK GEOTEKNIK 1 (BRG 1) - Tugas & Tanggungjawab - Aktiviti BRG 1	7 - 14	PROFIL BAHAGIAN PENGURUSAN PORTFOLIO (PMO) - Fungsi & Peranan - Laporan Tahunan Bagi Projek-projek di Cawangan Kejuruteraan Geoteknik - Aktiviti PMO	53 - 60
PROFIL BAHAGIAN REKABENTUK GEOTEKNIK 2 (BRG 2) - Tugas & Tanggungjawab - Aktiviti BRG 2	15 - 22	PROFIL BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) - Tugas & Tanggungjawab - Projek & Aktiviti BPP	61 - 70
PROFIL BAHAGIAN REKABENTUK GEOTEKNIK 3 (BRG 3) - Tugas & Tanggungjawab - Aktiviti BRG 3	23 - 30	BULETIN	71 - 72
PROFIL BAHAGIAN SIASATAN TAPAK (BST) - Tugas & Tanggungjawab - Aktiviti BST	31 - 38	AKTIVITI & PERISTIWA	73 - 76
		PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC 2019)	77 - 78
		SIDANG REDAKSI	79 - 81

Perutusan Pengarah

PERUTUSAN PENGARAH



Ir. Razali bin Che Embi
Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Syukur kehadiran Illahi serta setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG) khususnya dan warga JKR kerana telah berjaya mengharungi tahun 2019/2020 dengan penuh cemerlang dan jayanya. Tahun 2019/2020 menuntut niat dan iltizam untuk terus mengekalkan kecemerlangan demi memastikan CKG tetap unggul dan relevan sebagai sebuah Cawangan Pakar dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik.

Selaras dengan kehendak kerajaan, kita pantas menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang membudayakan kemahiran berasaskan teknologi maklumat dalam segenap dimensi khususnya Kejuruteraan Geoteknik. Dalam menghadapi arus gelombang ini, CKG terus mengorak langkah ke hadapan dengan mempergiatkan pelbagai inisiatif antaranya menjadikan bidang penyelidikan dan inovasi sebagai salah satu platform utama untuk meneroka kaedah atau teknologi terkini dalam pembinaan. CKG turut menjalinkan kerjasama dengan beberapa universiti awam dan agensi swasta seperti UiTM, UTM, MAXIS serta syarikat-syarikat lain demi meningkatkan jaringan rangkaian dalam perkhidmatan.

Pelan Strategik / Pelan Bisnes CKG yang dirangka dengan menetapi KPI dan sasaran telah dicapai pada tahap yang amat memuaskan. Dalam pada itu, sasaran dalam beberapa elemen akan terus ditambahbaik dan diperhalusi dari masa ke semasa dengan memberi fokus terhadap perkara-perkara berkaitan secara mikro bagi menghasilkan produktiviti yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Di awal tahun 2020, telah menyaksikan warga CKG telah melalui satu norma baru akibat pandemik Covid-19 yang telah melanda negara. Tugas-tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan perlu dilaksanakan bagi memastikan segala perancangan yang telah disusun berjalan dengan lancar. Warga CKG telah melalui satu situasi yang lebih mencabar dalam mengharungi semua perancangan yang telah disusun dan masa yang tertinggal (*time lost*) perlu ditebus kembali agar kembali ke landasan. Ketika ini projek-projek kerajaan adalah merupakan perangsang kepada pembangunan ekonomi negara dan JKR akan memainkan peranan sebagai 'FRONTLINERS' bagi mencapai aspirasi Kerajaan.

Syabas dan terima kasih kepada semua warga CKG atas usaha serta pengorbanan dalam mencapai target tahun 2019/2020. Syabas juga kepada semua sidang redaksi yang terlibat dalam penghasilan Buku Laporan Dwi Tahunan bagi Tahun 2019/2020 ini. Semoga ianya menjadi inspirasi serta sumber rujukan kepada pembaca.

Akhir kata, tiada rahsia untuk mengapai kejayaan. Kejayaan itu terjadi kerana persiapan, kerja keras serta bangun dari kegagalan. Semoga CKG terus gemilang sebagai peneraju dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik.

Profil Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG)

BIODATA PENGARAH



Nama	:	Ir. Razali bin Che Embi
Jawatan	:	Pengarah, JUSA C
Tempat Kelahiran	:	Georgetown, Pulau Pinang
Pendidikan Tertinggi	:	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian), Universiti Malaya (1985)
Tempoh Perkhidmatan	:	1985 – 2020 (35 tahun)

Ringkasan Perjalanan Kerjaya di JKR :

1. 1985 - 1990 – Jurutera Awam, Unit Makmal, Cawangan Rekabentuk & Penyelidikan, Ibu Pejabat JKR Malaysia.
2. 1990 - 1997 – Jurutera Awam (Projek), Bahagian Jalan, JKR Selangor.
3. 1998 – 2003 – Penolong Pengarah (Senggara Jalan), Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia.
4. 2003 – 2008 – Penolong Pengarah Kanan (Senggara Jalan), Unit Pengurusan & Penyelenggaraan Jalan - Jalan (UPPJ) Persekutuan, JKR Selangor.
5. 2009 – 2013 – Ketua Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Projek 2, Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), Ibu Pejabat JKR Malaysia.
6. 2013 – 2015 – Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Teknikal, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) di Negeri Selangor.
7. 2015 – 2019 – Jurutera Awam Penguasa Kanan, Unit Forensik dan Khidmat Pakar, Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibu Pejabat JKR Malaysia.
8. 2019 – 2020 – Pengarah (JUSA C), Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

STRUKTUR ORGANISASI

CKG mempunyai sebanyak 109 orang kakitangan. Organisasi ini diketuai oleh Pengarah Cawangan Gred Jusa C dan mempunyai tujuh (7) bahagian yang diketuai oleh J54 dan J52 seperti gambarajah di bawah:



LATAR BELAKANG

Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG) telah ditubuhkan untuk memberikan Khidmat Pakar dalam bidang kejuruteraan geoteknik selaras dengan pengstrukturkan semula organisasi JKR 2014.

Pada mulanya penubuhan Cawangan Kejuruteraan Jalan & Geoteknik (CKJG) telah diluluskan pada 12 Disember 2007 dengan fungsi dan peranan sektor pakar yang selaras dengan visi dan misi JKR dari sistem 'self-contained' kepada sistem 'matrix organisation'.

Pengstrukturkan Organisasi JKR 2014, CKG telah ditempatkan di bawah Sektor Pakar dengan halatuju menjadi pusat kecemerlangan kepakaran yang terunggul dalam bidang kepakaran kejuruteraan geoteknik manakala Kejuruteraan Jalan berada di bawah Cawangan Jalan.

Fungsi utama CKG adalah memberi khidmat pakar dalam Kejuruteraan Tanah, Kejuruteraan Struktur Asas, Khidmat Pakar & Forensik, Penyiasatan Tapak (SI) dan juga menjalankan Penyelidikan & Pembangunan dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur dan bangunan kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

OBJEKTIF

Memberi khidmat pakar serta perundingan teknikal dan rekabentuk dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik memenuhi keperluan pelanggan dengan tumpuan kepada kualiti, kos dan masa yang telah ditetapkan.

VISI

Kami akan menjadi pemberi perkhidmatan yang terunggul dalam pusat kecemerlangan kepakaran dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik.

MISI

Untuk menjadi pemberi perkhidmatan utama dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik menerusi aplikasi amalan kejuruteraan terbaik dalam merealisasikan pembangunan infrastruktur Negara.

TERAS STRATEGIK

- Menyumbang kepada pembangunan infrastruktur negara melalui penyediaan rekabentuk & khidmat nasihat teknikal pakar yang berkualiti.
- Membina kecemerlangan imej dalam memenuhi keperluan pihak pelanggan.
- Meneraju pembangunan kepakaran melalui penyelidikan dan inovasi.

MAKLAMAT ORGANISASI

- Meningkatkan kualiti rekabentuk.
- Meningkatkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.
- Membangunkan kepakaran modal insan.
- Menjadi Pusat Repository Data Geoteknik Kebangsaan.
- Menyediakan pengurusan kualiti dan pengurusan risiko yang efektif.



Profil Bahagian Rekabentuk Geoteknik 1 (BRG 1)

BAHAGIAN REKABENTUK GEOTEKNIK 1 (KEJURUTERAAN TANAH)



Dari kiri:

Barisan pertama:

Ir Nor Fardzilah bt Abdul Rahman, Ir. Ismail bin Mohamad, En Mohamad Izuan bin Ab Khalid

Barisan kedua:

Nor Hidayah bt Ismail, Salhana bt Ismail, Amera Diana bt Juril

Barisan ketiga:

Rabiatul Adawiyah bt Mohd Rashid, Nurul Syifaa bt Ahmad, Noor Farahin bt Meor Hamdan

Barisan keempat:

Nazatussima bt Zulkifli, Ir Noor Akma bt Mohd Naru, Muhammad Hazwan bin Abdul Razak, Seniorita Joseph

Barisan belakang:

Mohd Suhaimi bin Azit, Mohd Ikhwan bin Che Omar, Wan Ahmad Syauqi bin Wan Abdul Rahim

Tiada dalam gambar:

Husna binti Abu Bakar

FUNGSI UTAMA

- 01 Menyediakan Skop SI Untuk Rekabentuk Secara Dalaman Bagi Projek Jalan.
- 02 Melaksanakan Rekabentuk Geoteknik Secara Dalaman.
- 03 Melaksanakan Verifikasi Rekabentuk bersama HOPT/ HODT lain.
- 04 Menyediakan Lukisan, Senarai Kuantiti Dan Method Of Measurement.
- 05 Mengaudit Skop SI Untuk Konvensional Perunding.
- 06 Melaksanakan Verifikasi/ Validasi Rekabentuk Konvensional Perunding.
- 07 Menyemak Laporan Rekabentuk Yang Dilaksanakan Secara Konvensional Perunding.
- 08 Mengaudit Laporan Penyemak Bebas Bagi Projek Reka & Bina.
- 09 Memberi Khidmat Susulan Kepada Pasukan Projek JKR.
- 10 Memberi Khidmat Nasihat Kepada Lain-Lain Agensi.
- 11 Menjalankan Audit Pembinaan Di Tapak.
- 12 Membantu Membangunkan Semula Spesifikasi Kerja-Kerja Geoteknik.
- 13 Merancang Program Latihan Dalam Bidang Geoteknik.
- 14 Memberi Khidmat Nasihat Teknikal Bagi Projek Penyelenggaraan Cerun.

AKTIVITI BAHAGIAN

SELASA, 16 APRIL 2019

Lawatan kerja oleh pegawai Bahagian Rekabentuk Geoteknik (BRG1) ke Kilang Maccaferri Malaysia Sdn. Bhd. bagi melihat penghasilan dan ujian yang dijalankan bagi setiap produk yang dikeluarkan.



KHAMIS, 18 JULAI 2019

Lawatan oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Rekabentuk Geoteknik (BRG1) bersama Pengarah Cawangan Geoteknik (Ir. Abdul Hadi bin Abdul Aziz) ke Tapak Pembinaan MRT KL East Station, Jalan Binjai Kuala Lumpur untuk melihat penanaman cerucuk jenis borepile yang ditanam dengan kedalaman sedalam 150 meter dan merupakan cerucuk terdalam yang pernah dijalankan di Malaysia.



JUMAAT, 20 SEPTEMBER 2019

Perkongsian ilmu berkaitan jenis-jenis batuan oleh Dr. Ismacahyadi Bagus Mohamed Jais, Pensyarah Universiti Teknologi MARA, Shah Alam yang menjalankan praktikal selama setahun yang ditempatkan di Bahagian Rekabentuk Geoteknik (BRG1).



SELASA, 25 FEBRUARI 2020

Lawatan oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Rekabentuk Geoteknik (BRG1) bersama Pasukan JKR (Projek Khas Pengerang Integrated Petroleum Complex) ke Kilang E & E Foam Manufacturing Sdn. Bhd. Sungai Serdang Jalan Kapar, Kapar Selangor.



ISNIN, 2 MAC 2020

Lawatan oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Rekabentuk Geoteknik (BRG1) bersama Pengarah Cawangan Geoteknik (Ir. Razali bin Che Embi) ke Pembinaan Jalan Dari Kuala Temoyong Ke Teluk Baru Dari Pantai Tengah Langkawi Kedah. Ia merupakan projek pertama JKR yang menggunakan Teknologi Geobamtile.



Profil Bahagian Rekabentuk Geoteknik 2 (BRG 2)

BAHAGIAN REKABENTUK GEOTEKNIK 2 (KEJURUTERAAN STRUKTUR ASAS)



Dari Kiri:

Barisan Pertama:

Fariza Hazirah binti Matjakir, Ir. Edayu binti Saleh @ Aman

Barisan Kedua:

**Mainatul Nizam binti Ab. Rahim, Ir. Nazurah binti Sulaiman,
Nurulhayati bte Md Yusoff, Nor Parzila binti Abdul Ghaffar**

Barisan Ketiga:

Muhamad Zafran bin A. Rahim, Nurul Ain binti Puad, Noor Ellisza binti Mat Talaha, Tan Gek Khim

Barisan Keempat:

Mohd Suruzee bin Yaakub, Faizul Nizam bin Mohamad Nan, Ahmad Luqman bin Halit

Barisan Kelima:

Ir. Jibeh Bin Gonolon, Mohd Zhafir bin Che Sakri, Mohammad Yuslim Affiq bin Yusoff

Tiada dalam gambar:

**Ir. Eng Boon Cheng, Syahrom bin Zakaria, Norhafsa binti Selamat, Nur Quratul Aini binti Hamidun,
Nurhanisa binti Azmi, Mohd Rohaizal bin Mat Nor, Muhamad Taufiq bin Wahid**

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB



AKTIVITI BAHAGIAN

Majlis Perpisahan & Kenaikan Pangkat Pegawai BRG2



Pegawai : Ir Fuziah bt Abd Rahim
Kenaikan Pangkat : J52 kepada J54
Penempatan baharu : BPKS, CKG



Pegawai : Ir Eng Boon Cheng
Kenaikan Pangkat : J48 kepada J52



Pegawai : Puan Sahida Anies bin Zainuddin
Penempatan baharu : JPA, Putrajaya

Pasukan BRG2 acara Boling CKG



Pasukan BRG2 acara Badminton CKG



Pasukan BRG2 acara Ping Pong CKG



Majlis Akhir Tahun 2019 Sesi Pertukaran Hadiah



SEBAHAGIAN GAMBAR-GAMBAR PROJEK DI BRG2 BAGI TAHUN 2019-2020

Audit Validasi Pembinaan (CKS)

Projek : Pembinaan Depot Tahanan dan Kuarters Imigresen Jawi, Pulau Pinang



Lawatan Tapak (CKBA 1)

Projek : Pembinaan Pejabat Kastam Ipoh, Perak.



Kerja Tambakan Rawatan Tanah (CKBA 2)

Projek : Pembinaan Bangunan Radar, Pejabat Dan 2 Unit Kuarters Di Kuala Gula, Perak



Lawatan tapak bertujuan mengenalpasti masalah semasa penanaman cerucuk. (CKP)

Projek : Projek Pembinaan Gantian 12 BD dan Bengkel Kemahiran Hidup di SMK Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor



Jentera berat yang menghadapi kesukaran untuk bergerak di kawasan tapak pembinaan



Stuktur bersebelahan yang mengalami keretakan



Penerangan kaedah pembaikan oleh wakil CKG kepada pihak Kontraktor

Kerja-kerja Micropile (CKIP Darat)

Projek : Projek Membina Lif Dan Menaiktaraf Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Stesen Komuter Tanjung Malim, Perak.

Platform C
(Platform sedia ada)



Platform A
(bersebelahan tempat letak kereta)

Lawatan Tapak Kerja Penyiasatan Tanah (CKIP Maritim)

Projek : Kerja Awalan Projek Pembaikan Jeti Perikanan Bukit Malut, Langkawi, Kedah.



Parallel Seismic Test bagi menentusahkan panjang cerucuk.

Jack Up Pontoon bagi platform sementara untuk menempatkan mesin penyiasatan tanah.



Ultrasonic Thickness Testing (UTTS) adalah bagi menentusahkan ketebalan steel pipe pile.

Lawatan Tapak Untuk Validasi Rekabentuk Skop Geoteknik (CKK)

Projek : Cadangan Klinik Kesihatan (Jenis 4) Dengan Kuarters (2D & 18G) Rompin, Jempol, Negeri Sembilan.



Lawatan Tapak Untuk Validasi Rekabentuk Skop Geoteknik (CKK)

Projek : Pembinaan Dewan Bedah & CSSD Baru Hospital Banting, Selangor



Profil Bahagian Rekabentuk Geoteknik 3 (BRG 3)

BAHAGIAN REKABENTUK GEOTEKNIK 3 (KHIDMAT PAKAR & FORENSIK)



Barisan Hadapan:

Ir. Khairil Hafiz Bin Yahya, Pn. Nor Zaimah Bt Noordin, Ir. Gnana Sekaran A/L Doraisamy,
Ir. Marzaki Faizi Bin Mat Din

Barisan Kedua Dari Kiri:

En. Mohammad Khairul Anwar Bin Mat Derasa@Mohd Desa, Cik Khadijah Bt Osman,
Ir. Mohamad Yustafari Bin Mohamad Yunus.

Barisan Ketiga Dari Kiri:

En. Muhammad Fawzi Bin Hassan, En. Othman Bin Jusoh, Pn. Nurul Shuhadah Binti Yahya,
En. Mohamad Ilham Bin Abd. Basir.

Barisan Belakang Dari Kiri:

En. Abdul Hadi Bin Abdul Razak, En. Abdul Ghaffar Bin Abd. Manap, Cik Siti Aisyah Binti Abdul Wahid.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

01

Menjalankan pemeriksaan di tapak bagi mengenalpasti punca kegagalan atau kecacatan yang berkaitan dengan aspek geoteknik.

02

Merancang dan menyediakan skop kerja-kerja penyiasatan tambahan seperti ujian tanah dan juga kerja-kerja pemasangan instrumentasi bagi memantau magnitud mendapan.

03

Menjalankan semakan ke atas Pelan-Pelan Terbina, Rekod-Rekod Pembinaan, dan Dokumen Kontrak, (jika ada) bagi memahami pendekatan rekabentuk yang telah dibuat.

04

Menjalankan analisa mendapan bagi mengetahui kadar mendapan yang telah berlaku dan baki mendapan dengan mengambilkira data-data ujian tanah dan pemantauan yang telah dilaksanakan.

05

Menyediakan syor dan cadangan pembaikan yang bersesuaian/optimum serta menyediakan lukisan-lukisan tipikal pembaikan, senarai kuantiti (BQ) serta anggaran kos.

06

Memberikan khidmat nasihat teknikal kepada JKR Daerah/ Negeri serta agensi-agensi Kerajaan dalam isu-isu berkaitan kegagalan geoteknik.

07

Membangunkan kefahaman dan pengetahuan dalam bidang –bidang geoteknik yang khusus seperti “Environmental Geotechnical “, “Seismic Design”, “Underground Space Structure”, “Geotechnical Instrumentation”, “Geophysical Survey”.

LAWATAN TAPAK PROJEK

1. SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) KG. DATO' AHMAD SAID, IPOH, PERAK.

Lawatan pemeriksaan forensik geoteknik di Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Dato' Ahmad Said, Ipoh, Perak telah diadakan pada 13 Februari 2020 susulan aduan daripada Cawangan Senggara Fasilitas (CSFB) dengan no rujukan : (2)d/m.JKR./CSFB/050.030/4/528 bertarikh 10 Februari 2020 berkenaan kejadian mendapan tanah (lubang benam) yang berlaku di kawasan sekolah.

Pegawai dari Bahagian Rekabentuk Geoteknik 3 (Khidmat Pakar & Forensik) yang terlibat adalah Ir. Gnana Sekaran A/L Doaraisamy (JAPK), Ir. Marzaki Faizi Bin Mat Din (JAP), Tn. Hj. Hisam Bin Hj. Ahmad (Geologis), Pn. Nurul Shuhadah Binti Yahya (JA) dan En. Mohamad Ilham Bin Abd. Basir (PJA).

Hasil pemeriksaan di tapak mendapati terdapat satu lubang benam (sinkhole) bersaiz anggaran 15.0meter x 10.0 meter telah berlaku berhampiran bangunan Blok D. Kedalaman lubang dianggarkan sedalam 2.0meter.

Mendapan tersebut telah menyebabkan keretakan diagonal berlaku pada struktur dinding Bilik Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK).



Mendapan tanah akibat lubang benam yang telah berlaku di Blok D, SMK.Kg.Dato' Ahmad Said (sisi kiri).



Longkang perimeter telah runtuh kesan daripada mendapan tanah di Blok D (sisi kanan).
Magnitud mendapan sehingga 660 mm di sisi kanan Blok D.



Keretakan tembus pada struktur dinding di dalam bilik Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Blok D (berhadapan dengan tangga).

LAWATAN TAPAK PROJEK

2. SEKOLAH SUKAN MALAYSIA TERENGGANU, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU.

Lawatan pemeriksaan forensik geoteknik di Sekolah Sukan Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu telah diadakan pada 25 Mac 2019.

Susulan aduan daripada Cawangan Senggara Fasiliti (CSFB) dengan no.rujukan:(10)dlm.JKR/SKS (FB)/050.030/4/1/15/005 bertarikh 5 Mac 2020 berkenaan kejadian mendapan tanah pada kaki lima pada keseluruhan blok bangunan sekolah tersebut.

Tapak asal kawasan sekolah ini adalah kawasan berpayau yang ditambah.

Kerosakan yang berlaku pada sekeliling bangunan sekolah ini adalah disebabkan oleh proses pengukuhan tanah yang berlaku.

Pemeriksaan secara visual yang dijalankan mendapati hampir keseluruhan apron bangunan mengalami penurunan akibat terdapat mendapan tanah pada struktur bangunan, apron dan longkang. Mendapan ini menyebabkan longkang perimeter bangunan yang dibina secara tidak terampai mendap bersama dengan mendapan tanah. Magnitud renggangan diantara 110mm-150mm. Terdapat blok bangunan terdiri daripada blok pentadbiran, Dewan Olimpik dan blok asrama lelaki(Casa1) dan asrama perempuan (Casa 2).

Mendapan tanah yang menyebabkan kerosakan yang berlaku di kawasan sekolah ini dipercayai berpunca daripada proses pengukuhan tanah lembut dan berpayau.



Mendapan pada struktur longkang perimeter dengan magnitud 110mm-120mm.



Regangan antara apron dan longkang di Blok Pentadbiran disebabkan mendapan tanah.



Mendapan pada struktur longkang perimeter dan struktur apron di asrama lelaki (Casa 1)



Kerosakan pada struktur apron, longkang dan saluran turun air hujan (RWDP) menyebabkan air meresap ke dalam tanah melemahkan struktur tanah tersebut.

LAWATAN TAPAK PROJEK

3. BANGUNAN GALERI MELAYU, PULAU PINANG.


Bahagian Khidmat Pakar dan Forensik, telah menerima permohonan daripada Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB) Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi mengadakan lawatan pemeriksaan forensik di Bangunan Galeri Melayu Pulau Pinang melalui surat, no.rujukan (8)JKR/SKS(FB)/060.140/17/2 JLD3 bertarikh 19 Disember 2018.

Lawatan pemeriksaan telah diadakan pada 24 Januari 2019. Pegawai-pegawai yang terlibat adalah Pn. Norziaty Binti Mohd. Noor (JAK), En. Mohamad Yustafari Bin Yunus (JA) dan En. Abdul Hadi Bin Abdul Razak (PJA).

Hasil dari penemuan di tapak dibuat, didapati satu pembangunan yang diuruskan oleh pihak swasta sedang dijalankan. Jarak pembangunan dari sempadan bangunan Galeri antara 5.0m- 10.0m.

Selain itu juga penemuan kerosakan yang berlaku diantaranya keretakan serius dinding bahagian ruangan pejabat tingkat bawah, penurunan bahagian belakang bangunan galeri, keretakan tembok pagar, bar tetulang bahagian papak atas (ruangan jemuran) dan sambungan kekuda bumbung dan laluan atas antara 2 bangunan.

Kerosakan yang berlaku berkemungkinan berpunca daripada aktiviti pembinaan bangunan bertingkat baru di belakang bangunan Galeri Melayu dan sistem saliran permukaan di luar bangunan yang rosak dan kurang teratur menyebabkan air larian permukaan tidak dapat mengalir dengan sempurna dan bertakung di kawasan belakang bangunan galeri Melayu. Ini akan menyebabkan struktur tanah menjadi lemah dan boleh menyebabkan mendapan berlaku.



Pembinaan bangunan bertingkat baru berhampiran bangunan Galeri Melayu.



Keretakan-keretakan dinding bahagian bangunan.



Lokasi bahagian bangunan yang alami penurunan.



Keretakan-keretakan pada tembok pagar.



Menunjukkan pengaratan besi tetulang papak atas (slab) kawasan jemuran.



Menunjukkan keretakan dinding di bahagian bawah laluan tingkat atas

Pengaratan besi tetulang papak atas (slab) kawasan jemuran.

Profil Bahagian Siasatan Tapak (BST)

BAHAGIAN SIASATAN TAPAK



DALAM GAMBAR:

**Ir. Som Pong A/L Pichan A.M.N, Ir. Norziaty binti Mohd Noor, Sr. Shuhda Silmi binti Mohd Zuhali,
En. Hisam bin Ahmad, Ir. Mohamad Fazir bin Bahari, Shunoreena binti Mohd Shukor,
Dayang Azwa binti Abang Adenan, Nabila binti Rossley, Abdul Rahman bin Razali,
Syahirah binti Mohamed Kamal, Mohd. Faizal bin Wahab, Md Syawal Amiruddin bin Mohd Zain,
Nur Izuany binti Jalaluddin, Nik Muhammad Fais Ezwan bin Nik Zulkifli,
Muhamad Firdaus bin Razali, Intan Safinaz binti Salleh**

TIADA DALAM GAMBAR:

Mohd. Rizal bin Ibrahim

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Memberi khidmat nasihat teknikal dan mengurus perolehan kerja-kerja penyiasatan tanah dan pengujian makmal.

1

2

Memantau dan memastikan kerja-kerja penyiasatan tanah menepati spesifikasi dan skop kerja yang ditetapkan selaras dengan kod amalan Ground Investigations (MS2038).

3

Memberi khidmat nasihat teknikal dalam bidang geologi untuk skop kerja siasatan tapak, rekabentuk geoteknik jalan, bangunan dan forensik serta lain-lain agensi kerajaan.

4

Membangunkan inventori data geoteknik lubang greek menggunakan aplikasi GIS dan mengemaskini Pangkalan Data Penyiasatan Tapak iaitu Soil Investigation Information System (SIIS) serta berkongsi maklumat SI menggunakan landasan MacGDI iaitu Application MyGOS.

5

Mengkaji dan menambahbaik garis panduan dan spesifikasi selari dengan perkembangan teknologi terkini.

6

Merancang program pembangunan kompetensi serta kursus/latihan dalam bidang kejuruteraan geoteknik dan Geographical Information System (GIS).

7

Merangka dan menyediakan kertas cadangan berhubung kaedah pelaksanaan Lantikan Bergilir Secara Pusingan bagi perolehan sehingga RM 200,000.00 untuk kegunaan JKR Malaysia.

8

Menyediakan dokumen Syarat-Syarat berkaitan Lantikan Bergilir Secara Pusingan dan Sebut Harga khusus untuk Kerja Penyiasatan Tapak dengan kerjasama CKUB selaras dengan arahan Kementerian Kewangan.

9

Membangun dan menyelenggara Sistem Penggiliran Kontraktor Penyiasatan Tanah (G-Soil).

10

Merancang program untuk melahirkan pakar rujuk (Subject Matter Expert) di kalangan pegawai dan kakitangan BST dalam bidang penyiasatan tapak dan ujian makmal termasuk khidmat nasihat geologi dan perolehan.

11

Menganggotai Jawatankuasa Teknikal Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM), Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan lain-lain.

AKTIVITI BAHAGIAN

AKTIVITI TAHUNAN 2019 BST

- 1) Perolehan dan Perlantikan Kontraktor Penyiasatan Tapak
- 2) Pemantauan dan Penglibatan Kerja-kerja di Tapak
- 3) Bengkel Garis Panduan Perancangan Kerja-kerja Penyiasatan Tapak (GPSI)
- 4) Program Lawatan Teknikal
- 5) Program Auditan Makmal Geoteknik
- 6) Penglibatan Hari Bersama Pelanggan CKG 2019

1.0 Perolehan dan Perlantikan Kontraktor Penyiasatan Tapak

Antara fungsi utama Bahagian Siasatan Tapak adalah membuat perancangan perolehan dan perlantikan kontraktor untuk kerja-kerja penyiasatan tapak dan ujian makmal secara kaedah lantikan terus dan sebutharga. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 137 projek telah dilaksanakan seperti jadual yang berikut:-

LANTIKAN TERUS	SEBUT HARGA	JUMLAH
64	73	137



Sesi taklimat tapak kepada penyebutharga yang hadir dan lawatan tapak bersama penyebutharga untuk mendapatkan gambaran sebenar keadaan tapak

2.0 Pemantauan dan Penglibatan Kerja-kerja di Tapak

Pegawai dan kakitangan BST turut menjalankan pemantauan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor di lapangan mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan. Antara kerja di lapangan ialah *Deep Boring*, *MP/JKR Probes*, *CPTu* (*Piezocone*), *Vane Shear*, *Trial Pit*, pemantauan Instrumentasi dan kerja Geofizik.



Pemantauan Deep Boring
(kawasan rata)



Pemantauan Deep Boring
(di atas jack-up pontoon)



Pemantauan kerja Geofizik



Pemantauan kerja *Inclinometer*

Di samping itu juga, perkhidmatan nasihat geologi oleh Pegawai Geosains meliputi memberi pandangan dan nasihat teknikal dalam bidang geologi untuk skop kerja-kerja siasatan tapak, rekabentuk geoteknik jalan, bangunan dan forensik. Lawatan tapak dijalankan untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci sesuatu kawasan sebelum suatu ulasan geologi dihasilkan.

Antara kajian tapak yang terlibat ialah seperti berikut:-

BIL.	KAJIAN / LAWATAN TAPAK	TARIKH
1.	Lawatan Tapak Bersama Jawatankuasa Penyiasatan Bebas Bagi Kajian Kemungkinan Dan Keselamatan Bagi Dua Blok Bangunan Highland Towers, Ulu Kelang, Selangor.	12.3.2019
2.	Penilaian Awal Aspek Kesesuaian Geologi Untuk Pembinaan Tubewell Di Pulau Tioman	18.4.2019
3.	Kajian Geofizik Bagi Penentuan Pengesahan Batuan Bagi Projek Membina Jalan Baru Dari Hutan Percha Ke Pekan Tebong, Alor Gajah, Melaka	2.5.2019
4.	Pemeriksaan Tapak Untuk Konsep Rock Slope Protection Dan Anggaran Kos Kerja Bagi Projek Pembinaan Jalan Dari Kuala Temoyong Ke Teluk Baru Dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah Darul Aman.	23.12.2019



Lawatan Tapak bersama Jawatankuasa Penyiasatan Bebas bagi Kajian Kemungkinan Dan Keselamatan Bagi Dua Blok Bangunan Highland Towers, Ulu Kelang, Selangor

3.0 Bengkel Garis Panduan Perancangan Kerja-kerja Penyiasatan Tapak (GPSI)

Penyediaan Garis Panduan Perancangan Kerja-Kerja Penyiasatan Tapak (GPSI) adalah merupakan satu inisiatif BST bagi memenuhi keperluan permohonan CKG berhubung strategi pelaksanaan Kerja SI diperingkat Jabatan. Ia juga bertujuan membantu pihak lain khususnya Kementerian / Pihak Berkuasa Tempatan memahami dengan lebih lanjut mengenai skop kerja serta prosedur kerja Penyiasatan Tapak.

Pelbagai usaha diperingkat awal dilaksanakan termasuk menubuhkan Jawatankuasa GPSI, penyediaan nota GPSI, perbincangan bersama PBT, Perunding Geoteknik serta pihak-pihak lain yang berkepentingan bagi menyediakan GPSI.

Oleh itu, satu bengkel untuk memuktamadkan deraf GPSI diperingkat CKG diadakan pada 24 Januari 2019 di Bilik Seminar CKG Tingkat 26, Menara PJD yang disertai oleh wakil BST dan wakil perekabentuk daripada Bahagian Rekabentuk Geoteknik 1, Bahagian Rekabentuk Geoteknik 2 dan Bahagian Rekabentuk Jambatan serta wakil daripada Cawangan Jalan untuk penambahbaikan deraf.

Pemurnian deraf GPSI turut dilaksanakan pada 14 Februari 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama CKG, Tingkat 26, Menara PJD. Ianya dihadiri oleh panel-panel teknikal luar yang berkepentingan terdiri daripada Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perunding Geoteknik, Pensyarah Universiti dan wakil kontraktor dari Pertubuhan The Malaysian Site Investigators Association (MSIA).

BST juga turut memanjangkan hasil GPSI kepada YBhg. Dato' Ir. Dr Hassandi bin Abdullah, Pengarah Kanan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) untuk ulasan dan semakan sebelum ianya dikemukakan ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

4.0 Program Lawatan Teknikal

Program Lawatan Teknikal turut diadakan bagi tujuan pembelajaran dan meningkatkan pengetahuan kerja-kerja di tapak di kalangan pegawai dan kakitangan BST.

4.1 PROJEK: KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK MENAIK TARAF JAMBATAN SULTAN AHMAD SHAH (DARIPADA 2 LORONG KEPADA 4 LORONG), TEMERLOH, PAHANG.

TARIKH LAWATAN: 27.3.2019



Kerja deep boring menggunakan kaedah jack-up pontoon

4.2 PROJEK: KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK FLOATING JETTY DI 12 JETI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) – DAERAH MARITIM 4, PELABUHAN KLANG, SELANGOR.

TARIKH LAWATAN: 15.4.2019



Lawatan bersama wakil BST dan wakil perekabentuk BRG 2

4.3 PROJEK: KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK MEMBINA ASRAMA PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN).

TARIKH LAWATAN: 21.10.2019



Penerangan ringkas oleh wakil kontraktor berkaitan kerja *Electric Resistivity*

5.0 Program Auditan Makmal Geoteknik

